

# Bahasa Malaysia (910)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 32 266 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 72.93%, meningkat sebanyak 0.11% berbanding dengan tahun 2009.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	6.62	6.33	8.99	11.39	12.80	15.14	11.66	7.69	6.52	4.85	8.01

## RESPONS CALON

### KERTAS 910/1 (ANEKA PILIHAN)

#### Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	D	21	D	41	C
2	B	22	B	42	C
3	C	23	D	43	D
4	C	24	A	44	B
5	B	25	A	45	A
6	C	26	D	46	C
7	C	27	A	47	C
8	A	28	A	48	A
9	A	29	A	49	B
10	B	30	D	50	A
11	D	31	C	51	A
12	C	32	D	52	D
13	D	33	B	53	C
14	C	34	C	54	C
15	C	35	B	55	B
16	A	36	C	56	B
17	B	37	B	57	D
18	A	38	B	58	A
19	D	39	D	59	B
20	C	40	A	60	A

### ***Komen am***

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Kertas 1 pada tahun ini adalah baik. Terdapat tiga orang calon yang berjaya memperoleh markah tertinggi, iaitu 57 markah daripada markah penuh 60 markah, dan seorang calon memperoleh markah terendah, iaitu 4 markah.

Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian pemahaman, iaitu soalan 1 hingga 10, adalah baik. Satu daripada soalan tersebut ialah soalan yang beraras mudah kerana lebih 80% calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan itu ialah soalan 6. Selain itu, terdapat tujuh soalan yang beraras sederhana, iaitu soalan 1, 4, 5, 7, 8, 9, dan 10, dan dua soalan aras sukar, iaitu soalan 2 dan 3.

Bagi soalan bukan petikan pemahaman, calon mendapati soalan 27, 39, dan 53 sahaja yang beraras mudah manakala soalan 43 dan 49 ialah soalan sukar. Soalan-soalan lain merupakan soalan yang beraras sederhana bagi calon.

### **KERTAS 910/2 (ESEI)**

#### ***Komen am***

Secara keseluruhan, prestasi calon bagi kertas ini pada tahun ini adalah sederhana. Jika dibuat perbandingan antara prestasi calon tahun ini dengan tahun sebelumnya, didapati bahawa pencapaiannya lebih kurang sama.

#### **BAHAGIAN A: *Karangan***

Pada umumnya, prestasi calon tidak begitu memuaskan. Terdapat calon yang mampu memahami kehendak soalan dan mengemukakan isi penting dengan tepat tetapi kebanyakan mereka tidak mampu menghuraikan isi tersebut dengan kemas dan berkesan. Sesetengah calon tidak meneliti pernyataan tajuk dengan baik. Akibatnya, mereka mengemukakan isi yang tidak relevan atau isi yang sipi-sipi dan hal ini menyebabkan markah yang diperoleh oleh mereka adalah rendah. Bahasa dan olahan kebanyakan mereka juga lemah. Mereka tidak mampu menggunakan bahasa dengan cekap dan berkesan. Tegasnya, mereka tidak dapat menyampaikan idea dengan jelas walaupun idea utama mereka relevan. Persembahan juga tidak begitu kemas, misalnya pemerenggan tidak seimbang serta isi dan huraian bertindan dan berulang.

#### **BAHAGIAN B: *Rumusan***

Prestasi calon dalam bahagian ini adalah baik. Kebanyakan calon dapat mengenal pasti isi utama dan kesimpulan dengan tepat, dan dapat mengemukakan isi sokongan dengan tepat dan lengkap. Kelemahan yang nyata pula ialah sesetengah calon tidak dapat membezakan isi penting dengan huraianya. Akibatnya, isi yang dikemukakan meleret-leret kerana mereka memuatkan perkara yang tidak perlu. Selain itu, banyak juga calon yang mengemukakan isi secara tidak lengkap. Sebagai contoh, jika satu isi sokongan itu mempunyai lima inti, calon mengemukakan dua inti sahaja.

#### **BAHAGIAN C: *Alih Bentuk Teks***

Secara keseluruhan, penguasaan calon dalam bahagian ini adalah lemah. Kekuatan calon ialah mereka dapat memahami kandungan teks tetapi mereka gagal mengalih bentuk teks itu dengan tepat, baik dari segi bahasa mahupun persembahan. Bahasa mereka kebanyakannya amat lemah dan amat terikat dengan bahasa dalam teks asal. Mereka juga melakukan kesalahan dari segi persembahan. Mereka cenderung untuk mengulas pertuturan watak dan menokok tambah fakta. Hal ini menyebabkan jawapan mereka meleret-leret.

## BAHAGIAN D: Analisis Kesalahan Bahasa

Dari segi kekuatan, kebanyakan calon dapat mengenal pasti dua atau tiga kesalahan dan dapat membetulkannya dengan tepat. Kelemahan mereka yang amat ketara ialah mereka gagal menjelaskan sebab kesalahan. Banyak calon yang menyenaraikan beberapa unsur bahasa yang bagi mereka adalah salah (padahal sebenarnya betul). Bahasa yang digunakan oleh mereka untuk menjelaskan sebab kesalahan juga lemah.

### **Komen soalan demi soalan**

#### BAHAGIAN A: Karangan

##### **Soalan 1**

Soalan ini meminta calon menjelaskan kesan negatif aktiviti pembakaran secara terbuka, iaitu pembakaran yang dilakukan dengan sengaja oleh pihak tertentu, seperti petani dan pekilang di negara ini. Calon seharusnya menyempitkan perbincangan kepada kesan yang wujud di negara ini sahaja, seperti masalah jerebu, peningkatan suhu setempat, berlakunya kemusnahan habitat flora dan fauna, musnahnya harta benda dan nyawa jika kebakaran merebak, dan terhadnya jarak penglihatan.

Kebanyakan calon dapat memberikan 2 atau 3 isi yang relevan sahaja. Hanya segelintir daripada mereka yang dapat mengemukakan lima isi yang benar-benar relevan. Kesalahan yang ketara ialah kebanyakan calon mengemukakan kesan yang bersifat sejagat, iaitu kesan daripada pemanasan global, seperti peningkatan suhu dunia, pencairan ais di kutub, wujudnya kesan rumah hijau, berlakunya kemarau, banjir kilat, dan sebagainya. Ada juga yang mengaitkannya dengan penipisan lapisan ozon. Isi ini tidak dapat diterima sebagai betul kerana pada hakikatnya hal itu tidak wujud di negara ini. Selain itu, terdapat juga calon yang memberikan contoh kebakaran besar yang berlaku di negara luar, seperti di Indonesia, Amerika, dan Australia. Terdapat juga calon yang mengemukakan cadangan untuk mengatasi gejala tersebut walhal soalan ini tidak meminta calon mengemukakan apa-apa cadangan.

##### **Soalan 2**

Soalan ini mengkehendaki calon menghuraikan kebaikan golongan remaja mempelajari dan mengamalkan seni pertahanan diri. Seni pertahanan diri yang dimaksudkan meliputi semua jenis seni pertahanan diri yang diamalkan oleh pelbagai kaum di negara ini.

Tidak banyak calon yang menjawab soalan ini. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, calon yang menjawabnya dapat memberikan isi-isi yang relevan, mampu menghuraikannya dengan baik, dan memberikan contoh-contoh yang berkaitan. Antara kebaikan yang umum dikemukakan oleh mereka ialah remaja dapat mengisi masa lapang dengan berfaedah, dapat mengekalkan budaya tradisional, dapat menyihatkan tubuh badan, dan berupaya membantu mereka mendisiplinkan diri. Mereka juga mengaitkan kepentingannya dengan kebolehan remaja menyelamatkan diri dan membantu orang lain jika diserang lawan, di samping mereka dapat menaikkan nama negara jika berjaya dalam kejohanan seni pertahanan diri di peringkat antarabangsa. Terdapat calon yang mampu menulis karangan ini dengan isi yang bernas dan matang. Ada kemungkinan mereka memang mempelajari dan mengamalkan seni tersebut. Walaupun begitu, ada juga calon yang prestasinya kurang memuaskan kerana isi kurang bernas, huraian bertindan, dan contoh yang diberikan hanya berfokus pada silat yang merupakan seni pertahanan diri orang Melayu.

### Soalan 3

Soalan ini merupakan soalan yang paling banyak dijawab oleh calon. Soalan ini meminta pandangan calon, iaitu sejauh manakah mereka bersetuju bahawa penglibatan sesetengah remaja kini dalam kumpulan samseng disebabkan oleh kegagalan ibu bapa dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Secara keseluruhan, prestasi calon yang menjawab soalan ini adalah sederhana. Walau bagaimanapun, banyak juga calon yang dapat memberikan isi yang relevan. Antara isi yang dikemukakan termasuklah kesibukan ibu bapa dengan pekerjaan, ibu bapa selalu bertengkar dan ada yang bercerai-berai serta tidak memberikan pendidikan agama, pengaruh rakan, pengaruh media massa, dan naluri remaja itu sendiri.

Calon yang berprestasi tinggi dapat memperkembangkan isi dengan baik dan jelas serta berfokus pada kehendak tajuk. Walau bagaimanapun, calon lain gagal berbuat demikian. Ada antara mereka yang mengemukakan langkah mengatasi masalah tersebut dalam perkembangan isi. Kelemahan lain ialah isi bertindan, misalnya isi yang berkaitan dengan cabaran rakan sebaya ditinggalkan daripada isi yang berkaitan dengan sifat remaja yang suka menyambut cabaran. Terdapat juga isi yang kurang meyakinkan, misalnya dikatakan bahawa remaja menganggotai kumpulan samseng kerana dendam, remaja tidak dipedulikan oleh masyarakat, kelemahan penguatkuasaan undang-undang, kegagalan pihak sekolah mengawal kegiatan pelajar, dan kerana bapa mereka juga merupakan ahli kumpulan samseng. Selain itu, terdapat juga calon yang mengemukakan isi yang terpesong, iaitu mereka membincangkan sebab remaja berkelakuan seperti samseng. Mereka terkeliru akan maksud sebenar tajuk dengan gejala sosial yang negatif dalam kalangan remaja.

Satu perkara lagi, banyak calon yang menjawab soalan ini mengemukakan statistik tentang kes jenayah samseng dalam kalangan remaja belakangan ini. Statistik tersebut dikatakan dikeluarkan oleh Bahagian Jenayah Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman, atau dinyatakan oleh bekas Ketua Polis Negara. Statistik yang dikemukakan itu sebenarnya amat diragui ketepatannya.

### Soalan 4

Soalan ini meminta calon menulis karangan berformat teks ceramah. Fokus teks ceramah adalah pada faktor yang menarik pelancong untuk melawat ke Malaysia dan kepentingan industri pelancongan kepada masyarakat dan negara. Calon perlu menyentuh kedua-dua aspek itu dalam jawapannya.

Tidak banyak calon yang memilih tajuk ini. Walau bagaimanapun, mereka yang memilihnya dapat memberikan isi yang relevan dan mampu mendapat markah yang baik. Mereka dapat menghuraikan faktor-faktor yang tepat tentang perkara-perkara yang menarik kedatangan pelancong, seperti terdapatnya destinasi pelancongan yang semula jadi menarik, wujudnya kepelbagaian kaum dan budaya di negara ini, adanya produk pelancongan yang tertentu, realiti kestabilan ekonomi dan politik di negara ini, kos melancong yang lebih rendah, dan sebagainya. Mereka juga mampu menjelaskan manfaat daripada usaha memajukan sektor pelancongan kepada masyarakat dan negara, misalnya dikatakan bahawa kemajuan sektor tersebut dapat menambah peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan negara, memajukan industri sampingan, dan lain-lain. Walau bagaimanapun, terdapat satu isi yang kurang relevan yang dikemukakan oleh kebanyakan calon, iaitu kemajuan sektor pelancongan dapat menggalakkan kemasukan pelabur asing.

Dari segi format, secara umumnya calon menguasai kemahiran menulis karangan berdasarkan format teks ceramah. Walaupun demikian, masih ada calon yang menganggap bahawa kata alu-aluan ialah sebahagian daripada pendahuluan. Oleh itu, pendahuluan mereka terlalu pendek atau tiada langsung. Natijahnya, mereka kehilangan markah pendahuluan. Di samping itu, ada juga calon yang tidak menulis kata penutup ceramah.

## BAHAGIAN B: *Rumusan*

### Soalan 5

Untuk soalan ini calon diminta merumuskan petikan yang diberikan dengan jumlah perkataan antara 190-200 patah perkataan. Calon seharusnya mengemukakan isi utama, 5 hingga 6 isi sokongan, dan kesimpulan berdasarkan kandungan asal petikan. Calon harus membuat rumusan tersebut tidak lebih daripada tiga perenggan dan rumusan yang terhasil seharusnya memperlihatkan ciri wacana yang utuh.

Prestasi calon secara keseluruhan adalah memuaskan. Kebanyakan calon dapat mengenal pasti isi utama dan mengemukakan isi sokongan dengan tepat dan dengan jumlah yang mencukupi. Kesimpulan petikan juga dapat dikesan dengan tepat oleh kebanyakan calon. Calon yang berprestasi tinggi mampu mendapat markah melebihi 15 untuk bahagian ini, manakala yang sederhana memperoleh markah antara 10 hingga 13. Dari segi bahasa dan persembahan, prestasi calon adalah sederhana. Jumlah mereka yang menjawab dengan teknik yang salah sudah berkurangan.

Calon yang berprestasi rendah umumnya mendapat markah kurang daripada 10. Mereka gagal mengesan isi utama dan kesimpulan dengan tepat dan lengkap. Mereka juga tidak dapat mengemukakan isi sokongan dengan tepat dan dengan jumlah yang mencukupi. Umumnya, mereka menulis sesuatu isi dengan panjang lebar kerana gagal memisahkan isi penting dengan huraian.

Dari segi persembahan, banyak calon yang memuatkan isi sokongan yang pertama dalam perenggan isi utama, dan menulis sebahagian daripada kesimpulan dalam perenggan isi sokongan. Hal ini disebabkan mereka terikut-ikut dengan cara persembahan penulis petikan yang agak berlainan daripada tahun-tahun lalu, yang lazimnya memperlihatkan bahawa bahagian pendahuluan mengandungi isi utama semata-mata.

Bahasa mereka juga tidak lancar. Masih banyak calon yang memetik bahagian-bahagian ayat dan menyambungkannya untuk membentuk ayat yang baharu. Hal yang sedemikian menyebabkan ayat yang terbina bukan sahaja tidak gramatis malah maksudnya menyimpang daripada maksud asal teks dan rumusan secara keseluruhannya dikatakan tiada koheren dan kohesi.

Selain itu, terdapat juga calon yang jelas tidak dapat memahami teks dengan tepat. Ini dapat dikesan daripada isi-isi yang dikemukakan oleh mereka yang tidak menepati maksud sebenar teks. Ada segelintir calon yang menjawab dengan cara yang salah, misalnya mereka mengulas pendapat penulis, membuat kesimpulan sendiri, dan memulakan rumusan seperti orang menulis laporan, iaitu dengan menyatakan “Petikan tersebut membincangkan...”, “Menurut penulis...”, dan yang seumpamanya.

## BAHAGIAN C: *Alih Bentuk Teks*

### Soalan 6

Soalan ini merupakan soalan alih bentuk teks genre puisi Melayu klasik, iaitu petikan daripada Syair Agung. Calon dikehendaki mengalih bentuk teks itu kepada bentuk prosa Melayu moden.

Tidak banyak calon yang memilih soalan ini dan prestasi mereka yang menjawabnya juga tidak memuaskan. Walaupun ketara bahawa sebilangan besar daripada mereka dapat memahami maksud teks dengan agak baik tetapi mereka tidak dapat mengalih bentuk teks itu dengan teknik yang betul dan dengan menggunakan bahasa prosa moden yang kemas dan lancar.

Antara kelemahan jawapan calon termasuklah mereka mengulas bahagian-bahagian tertentu teks, misalnya dikatakan bahawa kerajaan Gangga Sakti amat kuat sehingga mampu menakluk kerajaan jin dan dewa, manakala kelahiran cucu Gangga Sakti dikatakan disambut oleh bidan yang “pakar”.

Mereka juga suka menokok tambah, misalnya dikatakan Gangga Sakti mempunyai putera, “iaitu dua orang anak lelaki”, dan baginda menyambut cucu baginda dengan “penuh” kegembiraan. Kebanyakan mereka juga menggunakan bahasa yang masih terikat dengan bahasa dalam teks, iaitu bahasa puitis dan tidak menggunakan bahasa istana dengan betul. Sebagai contoh, “baginda” dirujuki sebagai “beliau” ataupun “nya” (misalnya: isterinya), “putera” dirujuki sebagai “anak lelaki”, dan “berputera” dikatakan sebagai “bersalin”. Tegasnya, kebanyakan mereka gagal memilih kosa kata yang sesuai untuk bahasa istana. Hal ini amat ketara bagi frasa tertentu, seperti “sampailah bulan”, “lahir bawa panah sakti”, dan “disambut bidan yang pasti”.

Faktor yang menyebabkan calon gagal memperoleh markah yang baik untuk soalan ini adalah dari aspek bahasa dan persembahan. Mereka jelas mengutamakan isi atau fakta dan mengetepikan soal ketepatan dan kelancaran bahasa. Ada juga calon yang mengalih bentuk teks ini mengikut rangkap-rangkap syair. Selain itu, unsur ulasan dan tafsiran juga masih dapat dikesan dalam jawapan mereka.

### **Soalan 7**

Soalan ini menghendaki calon mengalih bentuk teks perbualan kepada bentuk teks bahasa prosa Melayu moden. Kebanyakan calon memilih soalan ini dan prestasi mereka kurang memuaskan, tetapi umumnya lebih baik daripada prestasi jawapan calon bagi soalan 6.

Tidak banyak calon yang dapat mengalih bentuk teks ini dengan teknik yang betul, dengan menggunakan bahasa yang kemas dan lancar, serta dengan seluruh isi/faktanya yang dialih bentuk itu tepat. Walau bagaimanapun, calon yang berprestasi tinggi dapat memahami teks dengan tepat dan mengemukakan fakta yang tepat dengan bahasa dan persembahan yang kemas dan lancar.

Kelemahan yang ketara ialah calon gemar memberikan ulasan kepada perbualan watak, misalnya dikatakan bahawa Azam “menyindir” Pak Ngah dengan menganggap bahawa Pak Ngah sudah hidup senang dan mudah mendapat wang. Seseengah calon pula menokok tambah fakta dengan tanggapan mereka sendiri dan menambah ayat-ayat dalam teks dengan penanda-penanda wacana. Jawapan yang bersifat ulasan, laporan, dan menceritakan semula kandungan teks juga masih ada.

Calon yang amat lemah pula tidak tahu langsung tentang cara untuk mengalih bentuk teks ini. Mereka menjawab dengan menggunakan bahasa yang dicampuradukkan dengan bahasa lisan, misalnya ayat “Kamu silap Zam” dinyatakan sebagai “Pak Ngah mengatakan Zam, kau silap.” Mereka tidak dapat memindahkan dialog lisan tak formal kepada bentuk bahasa formal. Sebagai contoh, mereka sukar mengalih bentuk frasa seperti “lutut longgar”, “naik turun pejabat”, “goyang kaki”, dan sebagainya. Selain itu, mereka juga mengekalkan penggunaan kata-kata singkatan, seperti “ya”, “tak”, dan “nak”.

## **BAHAGIAN D: Analisis Kesalahan Bahasa**

### **Soalan 8**

Soalan ini menghendaki calon mengenal pasti kesalahan bahasa yang terdapat dalam petikan yang diberikan, menjelaskan sebab kesalahan, dan membetulkan kesalahan tersebut.

Keseluruhannya, prestasi calon untuk bahagian ini adalah sederhana. Kebanyakan calon hanya memperoleh markah antara 5 hingga 8. Ini bermakna kebanyakan mereka hanya dapat mengesan 2 hingga 4 kesalahan dan membetulkannya. Walau bagaimanapun, calon yang menguasai tatabahasa dengan baik mampu mendapat markah lebih daripada 10. Mereka dapat mengenal pasti tiga atau lebih kesalahan bahasa, mampu menjelaskan sebab kesalahan, dan membetulkannya dengan tepat.

Kelemahan calon bagi bahagian ini ialah mereka kurang berupaya untuk menghuraikan sebab kesalahan dengan tepat walaupun mereka berjaya mengenal pasti bahagian yang salah dan membetulkannya. Kesalahan yang pada umumnya dapat dikesan oleh calon ialah "...bilangan ahli..."; "...bersetuju membaik pulih..."; "...mengingati yang bangunan itu..."; "...menaikkan kesedaran..."; dan "...menghadihkan pengujung...". Kesalahan yang berkaitan dengan ayat yang akhir, iaitu "...dan mendorong mereka untuk menjadi ahli," nampaknya sukar dikesan oleh mereka.

Kecenderungan calon mengemukakan kesalahan secara "tangkap muat" juga masih ketara. Mereka menulis unsur-unsur bahasa yang sebenarnya betul penggunaannya dengan anggapan bahawa unsur tersebut itu salah. Mereka mengharapkan agar antara bahagian yang disenaraikan oleh mereka sebagai salah itu, ada yang menepati jawapan yang betul. Satu lagi kelemahan yang ketara dalam jawapan calon ialah ketidaktepatan istilah-istilah tatabahasa yang digunakan oleh mereka untuk menjelaskan sebab kesalahan, misalnya "bilangan", "...bersetuju membalik pulih..." , dan "menghadihkan..." diistilahkan sebagai "ayat". Hal ini menggambarkan bahawa mereka tidak menguasai konsep-konsep asas tatabahasa.